

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**CHANCELLOR'S TALK UTeM (DS ZAINI UJANG)**

**1 Oktober 2019, 2.30 petang  
Dewan Canselor UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar Hijau Bersih.

**1. Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**

Pengucaptama program Chancellor's Talk kali ini,

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor,

Pegawai-Pegawai kanan universiti, wakil-wakil dari Institusi Pendidikan Tinggi sekitar Negeri Melaka, staf, pelajar, hadirin dan hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita untuk berhimpun pada petang ini bersempena Program Chancellor's Talk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang. Terima kasih Y. Bhg. Dato' Seri kerana sudi memenuhi jemputan sebagai pengucaptama program pada hari ini.

Rasanya, masih belum terlambat untuk kami ucapkan syabas dan tahniah kepada YBhg. Dato' Seri di atas penganugerahan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan bagi tahun 1441 hijriah, 2019 Masihi.

2. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua para tetamu yang sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama pada majlis hari ini. Kehadiran hadirin dan hadirat sekalian amat kami alu-alukan dan pastinya menyemarakkan lagi penganjuran program wacana keilmuan ini, yang diadakan selari dengan sambutan Hari Akademia yang bakal dilancarkan pada 5 Oktober ini.

**Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

3. Universiti Teknikal Malaysia Melaka kini sedang giat meniti ke fasa pemantapan dan pemerkasaan dalam segenap aspek keperluan sejajar dengan usaha untuk merealisasikan visi dan misi Universiti yang tercinta ini.
4. Umum mengetahui bahawa, kecemerlangan akademik, penyelidikan, jaringan hubungan antarabangsa, kelestarian universiti dan lain-lain bidang merupakan faktor penyumbang terpenting ke arah kemajuan dan kecemerlangan yang berterusan terhadap sesebuah universiti.

5. Menyedari akan kepentingan perkongsian ilmiah dalam memperkasakan penyerakan ilmu, UTeM telah menganjurkan beberapa Siri Syaran Umum Profesor sebagai wadah perkongsian dan platform komunikasi yang berkesan untuk berkongsi pelbagai pengalaman luas dalam bidang pendidikan, penyelidikan, kepakaran dan akademik kepada seluruh warga Universiti dan masyarakat luar.
6. Di samping itu, UTeM turut menganjurkan Program Chancellor's Talk yang bertujuan untuk memberi pengetahuan meluas kepada warga Universiti serta mendapatkan input terkini dan terbaik daripada tokoh negarawan, ilmuwan dan cendekiawan negara.

7. Penganjuran kali pertama pada 19 Mei 2014 telah memberi penghormatan kepada pemimpin tersohor negara yang tidak asing lagi iaitu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai penyampai utama dalam program tersebut.
8. Seterusnya, siri kedua Chancellor's Talk pada 12 Ogos 2015 telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor UTeM, dan diikuti oleh Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengurus Lembaga Pengarah pada 10 Ogos 2017.

9. Alhamdulillah, pada hari ini, UTeM berasa amat bertuah kerana dapat meneruskan serakan program Chancellor's Talk dari Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, dengan tajuk yang amat menarik dan relevan dengan perubahan persekitaran semasa iaitu Ecoshift: A Leadership Framework and Practices.

**Hadirin hadirat sekalian,**

10. Sebelum kita meneruskan agenda pada petang ini, izinkan saya mengambil sedikit masa untuk berkongsi latar belakang pengucaptama kita pada hari ini.

- Dato' Seri Zaini terkenal kerana sumbangan beliau sebagai seorang jurutera profesional alam sekitar, pemimpin akademik, inovator, penulis eseai dan pemikir alam sekitar di Malaysia.
- Beliau merupakan penerima pertama dan termuda Anugerah Merdeka 2009 bagi kategori Pencapaian Ulung Akademik dan merupakan Naib Canselor termuda dilantik dalam sejarah universiti awam di Malaysia ketika beliau berusia 43 tahun.

- Akhbar New Straits Times Daily mengelar beliau sebagai "Malaysian Water Icon" pada tahun 2004 manakala BERNAMA, agensi berita nasional Malaysia, dalam satu temu bual eksklusif pada tahun 2006, memperkenalkan beliau sebagai "environmental ideologue".
- Dato' Seri Zaini memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Kimia) di UTM pada 1988, meneruskan pengajian peringkat Sarjana Sains (Kejuruteraan Alam Sekitar) pada 1991 dan Doktor Falsafah (PhD) pada 1996 dalam bidang kejuruteraan alam sekitar dari University of Newcastle, United

Kingdom. Beliau juga merupakan alumni Harvard Business School bagi Program Advanced Management.

- Kecemerlangan beliau turut dibuktikan menerusi penganugerahan Honorary Doctor Of Science, Newcastle 2018, Honorary Visiting Professor, Imperial College London UK dan Tsukuba University, Japan, dan lain-lain lagi.
- Dalam pengalaman kerjaya, Dato' Seri Zaini merupakan Mantan Ketua Setiausaha, di dua Kementerian iaitu Kementerian

Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Beliau amat aktif dalam penerbitan akademia, menerusi penghasilan lebih daripada 34 buku, memililiki lebih daripada 20 harta intelek, penerbitan melebihi 250 penerbitan kertas saintifik, dan melebihi 1,000 artikel mengenai alam sekitar, inovasi dan pengajian tinggi serta turut cemerlang dalam pengkomersilan produk penyelidikan.

- Kepakaran beliau diiktiraf oleh pelbagai badan profesional menerusi pelantikan sebagai Fellow Water and Environmental Manager (UK), Fellow Institute of Chemical Engineering (UK),

Fellow Royal Physiographic Society of Lund (Sweden), Fellow Institution of Engineers (Malaysia), Fellow Academy Of Sciences (Malaysia), Professional Engineer (Malaysia), Chartered Engineer (UK), Chartered Scientist (UK), dan lain-lain lagi.

- Sumbangan beliau diteruskan lagi menerusi penglibatan dalam projek-projek berprofil tinggi selaku Perunding Teknikal dan Penasihat Korporat dan memberikan khidmat teknikal kepada negara-negara membangun. Beliau juga terlibat secara aktif dalam program-program pendidikan alam sekitar dan kesedaran

awam melalui Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarahan awam dan penulisan isu-isu alam sekitar dan kelestarian.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

11. Banyak lagi kejayaan dan kecemerlangan Dato' Seri yang tidak sempat saya kongsikan sama ada ada dalam bidang akademik, penyelidikan, perundingan, dan bidang kepakaran beliau. Di atas kecemerlangan inilah, maka hari ini kita amat bertuah kerana dapat

mendengar perkongsian yang bakal disampaikan oleh Dato' Seri sebentar lagi.

12. Diharapkan, sesi perkongsian ini dapat memberi inspirasi, meluaskan lagi pengetahuan kita bersama menerusi ilmu-ilmu baharu dan pengalaman-pengalaman terbaik khususnya di dalam aspek kepimpinan.

13. Dengan ini, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh